

Helaian Maklumat Produk – Government Guarantee Scheme Madani 4 (GGSM 4)

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Maklumat Produk (HMP) memberi anda informasi penting berkaitan dengan produk **Government Guarantee Scheme Madani 4 (GGSM 4)**.

Pelanggan lain telah membaca HMP ini dan mendapati ianya bermanfaat, dan **anda juga harus membacanya**.



Tarikh:

1

Apakah produk GGSM 4?

GGSM 4.0 adalah bantuan pembiayaan kepada PKS yang menyediakan jaminan kerajaan untuk semua sektor ekonomi. Pembiayaan yang disediakan adalah dalam bentuk Pinjaman Berjangka, Overdraf dan Pembiayaan Perdagangan sehingga RM20 Juta dan ditawarkan sehingga tempoh matang 7 tahun. Surat Jaminan daripada Pengarah Syarikat (Sdn Bhd dan LLP) beserta jaminan dari Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) akan digunakan sebagai cagaran/sekuriti bagi pembiayaan ini.

2

Ketahui Tanggungjawab Anda

- Jumlah Pembiayaan: RM1,000,000
- Ansuran Bulanan : RM12,346
- Tempoh Pembiayaan : 10 tahun
- Kadar Faedah : *KPA + 2.00%
- Kadar Faedah Efektif : 8.40%

Jumlah keseluruhan bayaran adalah RM1,481,418 pada akhir tempoh pembiayaan 10 tahun

*KPA : Kadar Pinjaman Asas

Anda perlu membayar yuran & caj berikut:

- Duti Setem : 0.5% dari jumlah pembiayaan
- Yuran pengeluaran : Dikecualikan
- *Yuran Jaminan : 0.75% setahun (sektor fokus)/ 1.00% setahun (selain sector fokus)
- Lebihan yuran ke atas Overdraf : 1% setahun dikenakan ke atas jumlah yang tertunggak bagi pembiayaan Overdraf
- Yuran komitmen : 1% setahun dikenakan ke atas jumlah yang tidak digunakan daripada pembiayaan Overdraf
- Denda ansuran lewat : 1% setahun ke atas jumlah tertunggak
- Bergantung kepada semua cukai & levi yang dikenakan oleh undang-undang dari semasa ke semasa

**Nota: Untuk Pinjaman Berjangka sehingga RM2 Juta, yuran jaminan dibayar oleh pihak bank. Selain itu dibayar oleh pelanggan.*

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk :



Membaca dan memahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selama **7 tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pinjaman anda lebih awal.



Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulan anda.

3

Ketahui Risiko Anda

Apa berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

1. Anda membayar melebihi jumlah pinjaman disebabkan denda ansuran lewat dan faedah kompaun.
2. Pihak Bank berhak menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka di Bank untuk melunaskan jumlah ansuran tertunggak.
3. Pihak Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
4. Kredit skor anda akan terkesan dan menyebabkan akses untuk kredit lebih mahal untuk anda.

4

Terma Penting Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan pada butiran hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya
- Skim Perlindungan Peribadi Berkurangan Berjangka (PRTA) / Overdraft Protector Plus (SME ODP PLUS) akan ditawarkan kepada pemilik perniagaan / Pengarah Urusan / Pengurus Bersama / Rakan Kongsi / Pemilik Persendirian untuk melindungi mereka sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.
- Manfaat Tambahan : SME First Account, M2U biz, etc

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan anda, anda boleh :



Hubungi kami di talian
1-300-88-6688



Layari laman web kami di
www.maybank2u.com.my

Pengesahan Pelanggan

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami apa yang anda tandatangani :-

- Saya mengakui bahawa Maybank telah memberikan saya Salinan HMP ini.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terdapat di dalam HMP ini.

**Pengakuan anda terhadap HMP ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma-terma yang dinyatakan dalam HMP ini*

Nama :

Tarikh :